



8 Mei 2019
8 May 2019
P.U. (B) 244

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN
MUKTAMAD NEGATIF DUTI ANTI-LAMBAKAN
MENGENAI IMPORT KELULI ALOI DAN BUKAN ALOI
GEGELUNG GULUNGAN SEJUK YANG BERASAL ATAU
DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA,
REPUBLIK KOREA DAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

*NOTICE OF NEGATIVE FINAL ADMINISTRATIVE REVIEW
DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY WITH
REGARD TO THE IMPORTS OF COLD ROLLED COILS OF
ALLOY AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR
EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA,
REPUBLIC OF KOREA AND SOCIALIST
REPUBLIC OF VIET NAM*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN MUKTAMAD NEGATIF DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT KELULI ALOI DAN BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA, REPUBLIK KOREA DAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

(AR 02/18)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(4) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Kerajaan telah membuat penentuan kajian semula pentadbiran muktamad negatif terhadap pengenaan duti anti-lambakan mengenai import keluli aloi dan bukan aloi gegelung gulungan sejuk yang mempunyai ketebalan antara 0.20 milimeter hingga 2.60 milimeter dan kelebaran antara 700 milimeter hingga 1,300 milimeter tidak termasuk plat hitam kilang timah dan dagangan subjek yang diimport bagi maksud penggunaan akhir automotif daripada semua gred dan spesifikasi yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00 dan 7225.50.90 00 yang berasal atau dieksport dari Republik Korea ke dalam Malaysia (“dagangan subjek”) oleh pengeluar atau pengeksport, POSCO (“pengeluar atau pengeksport itu”). Kod H.S. dan AHTN ini diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan dagangan subjek.

Sebab bagi penentuan kajian semula pentadbiran muktamad negatif

1. Sebab bagi penentuan kajian semula pentadbiran muktamad negatif ialah harga eksport dagangan subjek yang dieksport oleh pengeluar atau pengeksport itu ke dalam Malaysia adalah lebih tinggi daripada nilai normalnya.

Penamatan duti anti-lambakan

2. Duti anti-lambakan yang dikenakan terhadap import dagangan subjek berhubung dengan pengeluar atau pengeksport itu hendaklah ditamatkan pada 8 Mei 2019.

Bertarikh 19 April 2019

[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/42-AR Jld.13; PN(PU2)529/XXV]

IGNATIUS DARELL LEIKING

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF NEGATIVE FINAL ADMINISTRATIVE REVIEW DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY WITH REGARD TO THE IMPORTS OF COLD ROLLED COILS OF ALLOY AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA, REPUBLIC OF KOREA AND SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM

(AR 02/18)

IN exercise of the powers conferred by subsection 28(4) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*], the Government has made a negative final administrative review determination on the imposition of an anti-dumping duty with regard to the imports of cold rolled coils of alloy and non-alloy steel of a thickness between 0.20 millimetres to 2.60 millimetres and width between 700 millimetres to 1,300 millimetres excluding tin mill black plate and subject merchandise imported for the purpose of automotive end-usage of all grades and specifications which are classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00 and 7225.50.90 00 originating or exported from the Republic of Korea ("subject merchandise") into Malaysia by the producer or exporter, POSCO ("the producer or exporter"). These H.S. Code and AHTN are given only for information and have no binding effect on the classification of the subject merchandise.

Reason for negative final administrative review determination

1. The reason for the negative final administrative review determination is that the export price of the subject merchandise exported by the producer or exporter into Malaysia is higher than its normal value.

Termination of anti-dumping duties

2. The anti-dumping duties imposed on the imports of subject merchandise in relation to the producer or exporter shall be terminated on 8 May 2019.

Dated 19 April 2019

[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/42-AR Jld.13; PN(PU2)529/XXV]

IGNATIUS DARELL LEIKING
Minister of International Trade and Industry